

# Saya cintakan negara — Razaleigh

Oleh NORDIN MOHAMMAD

KOTA BHARU, Sabtu. — Tengku Razaleigh Hamzah menegaskan, beliau tidak akan meninggalkan negara ini walaupun ada tawaran jawatan penting dari mana-mana badan antarabangsa.

Menteri Kewangan itu menafikan laporan, kononnya, Bank Dunia menawarkan jawatan penting.

"Saya cintakan negara ini, saya tidak bercadang untuk meninggalkan Malaysia, saya akan terus berkhidmat kepada negara ini dan banyak cara boleh dilakukan untuk berkhidmat kepada negara," tegasnya ketika ditemui di kediamannya

di Palm Manor, di sini hari ini.

Katanya, "Penyertaan saya dalam Kerajaan akan dapat diketahui apabila Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed mengumumkan kabinetnya pada 20 Julai ini."

Kepada satu pertanyaan, Tengku Razaleigh memberitahu, kedudukannya di dalam Kerajaan dan keputusan perhimpunan Agung UMNO Malaysia akhir bulan lalu tidak dibincangkan dalam mesyuarat Badan Perhubungan UMNO negeri Kelantan, malam tadi.

Mesyuarat yang beliau sendiri mem-

perkeruskannya membincangkan strategi parti bagi menghadapi pilihanraya umum akan datang.

Katanya, gerakan pererangan lebih hebat akan dijalankan di peringkat bawah untuk membangkitkan semangat ahli-ahli dan penyokong-penyokong parti supaya bekerja lebih kuat memastikan Barisan Nasional kekal memerintah Kelantan.

Katanya, "kita tidak akan menjalankan kempen yang defensif dalam gerakan pererangan kepada rakyat mengenai pemerintahan di Kelantan, sungguhpun kita di

serang hebat oleh PAS dengan berbagai tuduhan jahat dan kotor, serta berbagai perkara karut yang memecah belahkan umat Islam."

Menurut Tengku Razaleigh, beliau akan menumpukan banyak masanya bersama pemimpin lain di Kelantan bagi menguatkan lagi jentera parti dalam menghadapi pilihanraya umum.

Katanya lagi, seluruh tenaga parti di Kelantan akan dikerah memberi tumpuan sepenuh masa pada kegiatan pererangan untuk mengukuhkan lagi kedudukan parti.

Beliau memberitahu, jentera jawatankuasa pilihanraya parti yang dipengerusi oleh Datuk Dr. Nik Hussein Abdul Rahman, akan bergerak akhir bulan ini untuk tujuan tersebut.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia